# Wonderspartans Outreach Programme beri fokus kepada alam sekitar




Oleh: Farah Syuhada Rozmi

KUANTAN, 18 Jan – Kolej Empat Belas, Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalankan program kesukarelawan *Wonderspartans Outreach Programme* (WOP) di Balok dan Cherating, dekat sini bertujuan memberi pendedahan serta kesedaran kepada pelajar dan masyarakat mengenai aktiviti sukarelawan yang berfokus kepada alam sekitar.

LIHAT JUGA



PUTRA Bakti hulur bantuan mangsa kebakaran Taman Serdang Raya (/berita /putra_bakti_hulur_bantuan_mangsa_kebakaran_taman_serdang_raya -55479)



Wonderspartans Outreach Programme beri fokus kepada alam sekitar (/berita /wonderspartans_outreach_programme_beri_fokus_kepada_alam_seki tar-55475)



Ejen pengambilan pelajar antarabangsa sertai Program 'Meet & Greet With UPM's Registered Agents' (/berita /ejen_pengambilan_pelajar_antarabangsa_sertai_program_meet_gree t_with_upms_registered_agents-55277)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
+603 8948 7273
marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1582084716

Pengarah program, Anis Maisarah Sharulnizam berkata, ramai yang masih belum menyedari mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dan kesan membuang sampah merata-rata.

"Kita seronok berkelah di pantai dan menikmati keindahan pantai dan laut, tapi kita tinggalkan pelbagai jenis sampah. Perbuatan itu bukan sahaja tidak bertanggungjawab kepada manusia tetapi juga kepada alam dan hidupan laut," katanya.

Program WOP dimulakan di Natural Village Batik, Balok. Peserta didedahkan kepada industri batik dan berpeluang untuk merasai pengalaman mencanting batik, manakala pada sebelah malam, pelajar menjalankan aktiviti Pujangga Pantai yang memerlukan mereka mengarang dan mempersembahkan puisi atau lagu bertemakan alam sekitar.

Mereka turut ke Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuantan untuk melihat proses pendaratan dan pengasingan ikan.




Pelajar dan komuniti juga menjalankan Program "*Clean Beach, Clean Ocean*" di Pantai Balok. Program itu mendapat kerjasama dari Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Pahang dan Alam Flora Sdn Bhd. Turut sama dalam aktiviti ini adalah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Balok, Persatuan Silat Pendekar Pahang, Persatuan Nelayan Balok dan Jawatankuasa Kampung Balok.

Sampah diasingkan mengikut kategori sampah iaitu *reuse, recycle, compostable* dan *solid rubbish* dan ditimbang oleh SWCorp. Sampah yang paling banyak didapati adalah jenis sampah *solid* (padat dan bukan organik) iaitu 89.5% yang susah dan mengambil masa yang sangat lama untuk terurai secara semula jadi.

Seorang peserta, Muhammad Isnorrizal, 22, berkata program itu memberi kesedaran mengenai kepentingan

B1582084716

menjaga kebersihan alam dan pengasingan jenis sampah dengan betul.

Di Pantai Cherating pula, pertandingan membina istana pasir berkonsepkan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) diadakan. Sampah seperti botol plastik, tin minuman, tali dan juga ranting kayu digunakan untuk membina istana pasir itu.

Forum bertajuk "Islam dan Alam" diadakan di Masjid Sungai Ular, Balok yang melibatkan peserta WOP dan penduduk sekitar.



Aktiviti perkongsian mengenai penyu sebagai antara spesies hidupan laut terancam, pula diadakan di Pusat Konservasi dan Santuari Penyu, Cherating. Peserta berpeluang melihat anak penyu yang diasingkan mengikut umur iaitu sebulan dan lima hingga enam bulan serta penyu yang telah diawet.

Pegawai pengiring program, Siti Mahsuri Talib berkata program itu diharap dapat membuka minda masyarakat terhadap aktiviti kesukarelawan berkaitan alam sekitar.

"Banyak pengalaman baru yang berharga diperoleh sekali gus mencapai objektif penganjuran program yang menfokuskan kepada kesukarelawanan alam sekitar," katanya. - UPM

Tarikh Input: 17/02/2020 | Kemaskini: 17/02/2020 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fwonderspartans_outreach_programme_beri_fokus_kepada_alam_sekitar-55475&title=Wonderspartans%20Outreach%20Programme%20Beri%20Fokus%20Kepada%20Alam%20Sekitar%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress)

(/#print)

B1582084716

BM

## HUBUNGI KAMI

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN

BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)

03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

## PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)

Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)

i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

## PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)

Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)

Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

## PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)

Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)

Takwim UPM 2019 (http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20190308094006TAKWIM_2019_1.pdf)

(http://www.putra.upm.edu.my) (http://portal.upm.edu.my)

(http://www.pertanika.upm.edu.my) (http://www.learninghub.upm.edu.my)

(http://www.psasir.upm.edu.my/) (https://smp.upm.edu.my)

(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/) (http://eclaims.upm.edu.my/login/)

(http://www.reg.upm.edu.my/eISO/) (http://emel.upm.edu.my)

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2020 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1582084716